

29/05/2003

Pelatih MLVK bersemangat sambung semula pengajian

Amirudin Hashim

KAMI pelatih Pusat Bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)

berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan peruntukan tambahan program MLVK sebanyak RM500 juta dalam Pakej Strategi Baru ekonomi, minggu lalu.

Kami gembira dan terharu dengan pengumuman itu kerana sebelum ini hampir

putus asa apabila Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) membekukan pinjaman kerana kekurangan peruntukan.

Ramai rakan saya yang pulang ke kampung apabila diarahkan membayar semua

yuran tahun pertama pada Januari lalu.

Apabila pihak pusat latihan menunjukkan pelbagai surat arahan TPK seperti pembekuan permohonan dan pusat bertauliah di minta mencari alternatif kewangan sendiri, bilangan pelajar di kolej saya menjunam lebih

60 peratus.

Pada waktu itu, keluarga saya yang berpendapatan rendah kecewa dan berasa malang menimpa secara tiba-tiba.

Pengumuman Dr Mahathir itu mengembalikan semula semangat kami. Malah ramai rakan saya yang ingin menyambung semula pengajian.

Saya berpandangan masalah itu tidak selesai tanpa campur tangan dan kesungguhan beberapa pihak.

Kesungguhan Ketua Unit Pengaduan Awam Pemuda Umno, Datuk Subahan Kamal dalam menyelesaikan masalah ini memang dihargai. Beliau sejak dulu lagi bertindak bagi membantu kami, yang kebanyakan belia Melayu dalam menyelesaikan masalah ini.

Dalam suratnya dalam ruangan ini, beliau dengan tegas mahukan campur tangan kerajaan, khususnya Dr Mahathir bagi membantu pelajar MLVK.

Begitu juga dengan Naib Presiden Majlis Belia Malaysia, Sobri Ahmad yang

bersama-sama membantu bagi menyelesaikan masalah kami.

Kami juga berharap TPK menjelaskan segera pinjaman kami yang masih belum

dibayar pada tahun lalu. Kami amat bersimpati dengan pengusaha pusat latihan yang sanggup menderita demi masa depan kami.

AMIRUDIN HASHIM,

Kedah.